

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BN KINI CATAT REKOD DUNIA

Oleh HALIM MAJID

MELAKA, Jumaat — Kejayaan cemerlang Barisan Nasional dalam pilihanraya kali ini menunjukkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dapat meyakinkan rakyat mengenai konsep Kerajaan yang bersih.

Kemenangan ini juga menandakan rakyat berbilang kaum mahukan konsep BCA menjadi satu kenyataan.

"Undi calon-calon parti pembangkang DAP dan PAS dalam pilihanraya ini terlampau merosot dan di sini nyatahlah parti-parti bersifat perkauman dan menggunakan isu-isu agama seperti itu tidak mendapat tempat," tegas Setiausaha Agung BN pusat, Encik Ghafar Baba.

Beliau yakin BN akan menang lagi beberapa kali pilihanraya akan datang dan kejayaan BN berkuasa sebanyak tujuh kali di negara ini boleh dianggap satu rekod dunia.

Encik Ghafar yang juga Pengarah Pilihanraya BN pusat memberitahu demikian sewaktu ditemui di kediamannya di sini awal subuh tadi.

Beliau mengingatkan calon-calon BN yang sudah menang supaya insaf terhadap tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat kepada mereka dan biarlah khidmat mereka benar-benar memberi kesan kepada rakyat serta jangan lalai dengan kemenangan ini.

"Saya tidak begitu terkejut atas kemenangan besar BN ini kerana sepanjang saya menjelajah ke seluruh negeri-negeri sewaktu kempen pilihanraya mendapati perubahan besar keyakinan rakyat terhadap pemerintahan Kerajaan sekarang," kata beliau.

Encik Ghafar berkata, kekalahan BN yang

kehilangan beberapa kerusi negeri dan parlimen di Kelantan serta Trengganu memang telah diduga.

BN telah kehilangan 10 kerusi negeri di Kelantan dan lima kerusi negeri Trengganu ke tangan PAS.

Ujian

"Saya anggap kekalahan BN di Kelantan dan Trengganu ini adalah suatu ujian yang sebenarnya kepada BN sejak pilihanraya 1978 lalu," kata beliau.

Encik Ghafar memberitahu inilah pilihanraya yang benar-benar mengunda BN dengan PAS di Kelantan dan juga pilihanraya yang benar-benar menentukan kekuatan Kerajaan.

Beliau menyatakan rasa kesal sedikit kerana atas tidak ada bersatu padunya ahli-ahli UMNO di kerusi Parlimen Pasir Mas dan Rantau Panjang

menyebabkan BN kehilangan kerusi itu kepada PAS.

Encik Ghafar memberitahu pengundi-pengundi di kerusi Parlimen Kota Melaka dan juga di Bukit Bendera telah memberi pengundian yang aneh dan jarang berlaku.

"Contohnya di lima kerusi negeri Kota Melaka, BN memperoleh majoriti undi kira-kira 8,000 tetapi kerusi Parlimen Kota Melaka pula, DAP menang dengan majoriti kira-kira 4,000 undi sahaja. Ini adalah ganjil dan jarang berlaku," kata beliau.

Encik Ghafar berkata, pengundi-pengundi di situ percaya dan yakin Kerajaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mewujudkan Kerajaan bersih, cekap dan amanah tetapi mereka masih mahukan pembangkang peringkat Parlimen.

Encik Ghafar yang dilantik sebagai Pengarah Pilihanraya Pusat sebanyak tiga kali pilihanraya kali ini lebih seronok dan mengembirakan saya dan satu dari faktor penting menentukan kejayaan cemerlang BN ini ialah perpaduan parti-parti komponen BN."